



# Laporan Bandar Selamat Putrajaya 2024









# Laporan Bandar Selamat *Putrajaya 2024*

# Perutusan Presiden



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, Perbadanan Putrajaya telah menerbitkan Laporan Bandar Selamat 2024. Laporan ini merekodkan semua program dan projek bandar selamat berdasarkan 20 langkah utama.

Sebanyak 2,168 inisiatif telah dilaksanakan oleh ahli *Task Force* Bandar Selamat sepanjang tahun 2024 yang merangkumi projek fizikal, penambahan infrastruktur keselamatan, rondaan, program pendidikan dan kesedaran awam.

Bagi tujuan meningkatkan tahap keselamatan persekitaran bandar dan jalan raya, sebanyak 530 unit cctv telah dipasangkan. Kawasan tumpuan awam dan jalan keluar/masuk utama ke Putrajaya adalah di bawah pemantauan 'Putrajaya Command Centre' sepanjang masa membolehkan pasukan keselamatan mengambil tindakan dalam masa yang terpantas.

Selain itu, operasi mencegah kes denggi yang berterusan telah berjaya menurunkan kadar kes denggi daripada 675 kes pada tahun 2023 kepada 600 kes (pengurangan 8.0%) untuk tahun 2024.

Dengan pencapaian di atas, jawatankuasa Bandar Selamat Putrajaya akan terus mempertingkatkan lagi inisiatif dari segi penguatkuasaan undang-undang, reka bentuk, rondaan dan pendidikan orang awam. Ini juga selaras dengan aspirasi konsep CHASE City seperti yang telah ditetapkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan).

Saya ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program Bandar Selamat Putrajaya khususnya bahagian dalaman PPj dan agensi *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya. Adalah menjadi harapan agar kolaborasi ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**DATO' TPr. FADLUN BIN MAK UJUD**

**PRESIDEN  
PERBADANAN PUTRAJAYA**

# Kata-kata Aluan Naib Presiden



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izinnya jawatankuasa *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya telah berjaya melaksanakan pelbagai program yang telah dirancang sepanjang tahun 2024, khususnya bertujuan untuk mengurangkan jenayah dan gejala sosial serta wabak penyakit yang boleh menjejaskan kesejahteraan warga Putrajaya.

Laporan ini disediakan sebagai untuk memberikan maklumat yang lebih jelas mengenai status pelaksanaan oleh *Task Force* dan rakan strategik sepanjang tahun 2024. Selain itu, dijadikan sebagai panduan untuk merancang dan menambahbaik pelaksanaan inisiatif untuk tahun-tahun yang akan datang.

Antara inisiatif-inisiatif utama yang telah dilaksanakan pada 2024 adalah seperti:

- i) Projek pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor.
- ii) Penambahan Kamera Litar Tertutup (CCTV) di premis perniagaan dan tempat awam.
- iii) Penyediaan kiosk-kiosk perniagaan di kawasan terdedah dengan jenayah.
- iv) Rondaan dan operasi mencegah jenayah, gejala sosial dan keselamatan jalan raya.
- v) Program dan operasi mencegah wabak denggi.
- vi) Kempen dan program kesedaran awam.
- vii) Penyediaan 'Dashboard' Bandar Selamat dalam 'Putrajaya Urban Observatory' (PUO).

Akhir kata, saya mengucapkan syabas kepada ahli *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya yang menunjukkan komitmen tinggi dalam pelaksanaan program-program Bandar Selamat. Diharapkan segala usaha yang berterusan ini akan memberi manfaat kepada warga Putrajaya dan mampu menjadikan Putrajaya sebagai bandar paling selamat di Malaysia.

Sekian, Terima kasih.

**TPr. HJH SALMAH BINTI HJ SALMAN**

**NAIB PRESIDEN PERANCANGAN BANDAR  
PERBADANAN PUTRAJAYA**

# Isi Kandungan

|            |                                                                                          |           |
|------------|------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| <b>1.0</b> | <b>Strategi 1: Mereka Bentuk Persekitaran Fizikal</b>                                    |           |
| 1.1        | Langkah 1 : Pengasingan Laluan Pejalan Kaki dari Laluan Bermotor                         | 1         |
| 1.2        | Langkah 2 : Pelaksanaan Reka Bentuk Persekitaran Fizikal yang Selamat (CPTED)            | 2         |
| 1.3        | Langkah 3 : Pemetaan GIS Jenayah                                                         | 4         |
| 1.4        | Langkah 18: Pengawasan Keselamatan Jalan Raya                                            | 4         |
| <b>2.0</b> | <b>Strategi 2: Memperkasakan Kawasan Sasaran</b>                                         |           |
| 2.1        | Langkah 4 : Penyediaan Balai Polis Tetap atau Bergerak                                   | 7         |
| 2.2        | Langkah 7 : Penyediaan Penggera Keselamatan                                              | 8         |
| 2.3        | Langkah 9 : Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) di Premis Perniagaan dan Tempat Awam | 9         |
| 2.4        | Langkah 11: Laluan Awam tidak Terlindung dari Pandangan Awam                             | 11        |
| 2.5        | Langkah 12: Penjanaaan Aktiviti Bersesuaian di Kawasan Terdedah dengan Jenayah           | 12        |
| <b>3.0</b> | <b>Strategi 3: Pengurusan, Penyertaan &amp; Kesedaran Komuniti</b>                       |           |
| 3.1        | Langkah 13: Pendidikan, Kesedaran Awam dan Publisiti                                     | 15        |
| 3.2        | Langkah 14: Meningkatkan Rondaan di Kawasan Perumahan                                    | 25        |
| 3.3        | Langkah 15: Agenda Tetap Bulanan Mesyuarat Majlis Penuh PBT                              | 26        |
| 3.4        | Langkah 16: Penerapan Konsep Community Policing bagi Mengatasi Jenayah                   | 27        |
| 3.5        | Langkah 17: Program Pencegahan Jenayah                                                   | 29        |
| 3.6        | Langkah 19: Pencegahan Gejala Sosial                                                     | 30        |
| <b>4.0</b> | <b>Strategi 4: Kesihatan</b>                                                             |           |
| 4.1        | Langkah 20: Pencegahan Denggi di Putrajaya                                               | 32        |
|            | <b>Lampiran A : Senarai Penghargaan</b>                                                  | <b>35</b> |



# Isi Kandungan

## Senarai Jadual

|     |                                                                                   |    |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------|----|
| 1.1 | Senarai Kempen Keselamatan Jalan Raya IPD Putrajaya Pada Tahun 2024               | 4  |
| 2.1 | Senarai Acara Penyediaan Balai Polis Bergerak Tahun 2024                          | 7  |
| 2.2 | Senarai Lokasi 'Panic Button'                                                     | 8  |
| 2.3 | Senarai Lokasi CCTV yang Dipasangkan Tahun 2024                                   | 9  |
| 2.4 | Lokasi Kerja-Kerja Membersihkan/Mengemaskan Kawasan Semak dan Terlindung          | 11 |
| 2.5 | Senarai Lokasi Penjanaaan Aktiviti Bersesuaian di Kawasan Terdedah dengan Jenayah | 12 |
| 3.1 | Senarai Rondaan di Kawasan Perumahan                                              | 25 |
| 3.2 | Lokasi Rondaan bagi Kawasan Rukun Tetangga                                        | 27 |
| 3.3 | Lokasi Rondaan bagi Skim Rondaan Sukarela                                         | 28 |
| 3.4 | Senarai Program / Operasi / Rondaan bagi Pencegahan Gejala Sosial                 | 30 |
| 4.1 | Senarai Program Gotong-Royong Mega                                                | 34 |

## Senarai Carta

|     |                                                                                               |    |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 1.1 | Kategori Permohonan Yang Menerapkan CPTED Tahun 2024                                          | 2  |
| 4.1 | Lokasi Operasi Gempur Aedes (OGA) dan Operasi Bersepadu Pencegahan serta Kawalan Wabak Tinggi | 32 |

## Senarai Rajah

|     |                                                               |    |
|-----|---------------------------------------------------------------|----|
| 1.1 | Pelan Hotspot Kes Jenayah di Putrajaya Tahun 2024             | 4  |
| 3.1 | Rumusan Program Pendidikan, Kesedaran Awam dan Publisiti 2024 | 18 |
| 3.2 | Rumusan Program Pencegahan Jenayah oleh IPD Putrajaya         | 29 |



# BAB 1

*Strategi 1:*  
**Mereka Bentuk  
Persekitaran  
Fizikal**

# 1.0 Strategi 1: Mereka Bentuk Persekitaran Fizikal

## 1.1 Langkah 1: Pengasingan Laluan Pejalan Kaki dari Laluan Bermotor

Inisiatif di bawah langkah ini dijalankan berdasarkan skop-skop berikut:

- i. Menetapkan syarat penyediaan pengasingan laluan pejalan kaki dalam pembangunan baru
- ii. Penambahbaikan di pembangunan sedia ada

### i. Menetapkan Syarat Penyediaan Laluan Pejalan Kaki dalam Pembangunan Baru

Sebanyak 2 pembangunan baru pada tahun 2024 yang telah menyediakan pengasingan laluan pejalan kaki.



Pembangunan 1 Blok Akademi Perubatan 5 Tingkat (Plot 8C8) di Presint 8



Pembangunan 2 blok pangsapuri sederhana 14 tingkat (Plot Zon 8F), Presint 11

### ii. Penambahbaikan di Pembangunan Sedia Ada

Sebanyak 1 projek bagi penambahbaikan di pembangunan sedia ada pada tahun 2024.



Pemasangan pagar jenis 'anti-climb' di Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 16(2) berjarak 130 meter. Pagar ini dipasang bagi mengelakkan masalah keselamatan pelajar sekolah semasa menunggu ibu bapa di tepi Jalan P16.

## 1.2 Langkah 2: Pelaksanaan Reka Bentuk Persekitaran Fizikal yang Selamat (CPTED)

Inisiatif di bawah langkah ini dijalankan secara dua kaedah iaitu:

- i. Menerapkan elemen bandar selamat dalam permohonan Kebenaran Merancang untuk semua pembangunan baru.
- ii. Menjalankan penambahbaikan di pembangunan sedia ada mengikut keperluan.

### i. Permohonan Kebenaran Merancang yang Menerapkan CPTED

Pada tahun 2024 sebanyak 8 permohonan Kebenaran Merancang yang telah diterima dan diberi ulasan berdasarkan keperluan Pelaksanaan Reka Bentuk Persekitaran Fizikal yang Selamat sepertimana di Carta 1.1. Antara elemen keselamatan yang diterapkan dalam 8 permohonan Kebenaran Merancang tersebut adalah seperti berikut:

- a) Penyediaan laluan pejalan kaki dan laluan basikal.
- b) Menyediakan pencahayaan yang baik.
- c) Penyediaan cermin keselamatan.
- d) Penyediaan CCTV dan penggera keselamatan (panic button).

**Carta 1.1: Kategori Permohonan Yang Menerapkan CPTED Tahun 2024**



## ii. Menjalankan Penambahbaikan di Pembangunan Sedia Ada

Sebanyak 1 projek penambahbaikan di pembangunan sedia ada iaitu pemasangan pagar 'anti-climb' di laluan tikus Presint 17.

### SEBELUM



### SELEPAS



Pemasangan pagar jenis 'anti-climb' di laluan tikus, Jalan P17, Presint 17, Putrajaya berjarak 60 meter. Pagar ini dipasangkan bagi mengawal pergerakan sempadan antara Kampung Limau Manis dengan Presint 17, Putrajaya.


### 1.3 Langkah 3: Pemetaan GIS Jenayah

Sistem Putrageoinfo merupakan sistem yang dibangunkan oleh Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama Ibu Pejabat Polis Putrajaya (IPD Putrajaya). Sistem Putrageoinfo merupakan intergrasi elemen pemetaan kes-kes jenayah menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS). Data-data yang dikemaskini merangkumi lokasi kejadian dan kategori jenayah.

### 1.4 Langkah 18: Pengawasan Keselamatan Jalan Raya

Pengawasan Keselamatan Jalan Raya adalah inisiatif yang diambil untuk meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya, mengurangkan kadar kemalangan. Pengawasan keselamatan jalan raya melibatkan pelbagai aspek seperti reka bentuk jalan, penguatkuasaan undang-undang, program dan pendidikan keselamatan jalan raya bagi meningkatkan pengawasan dan pengawalan di jalan raya. Sebanyak 7 program telah dilaksanakan oleh Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya (IPD Putrajaya) pada tahun 2024 sepertimana di Jadual 1.1.

Rajah 1.1:  
Pelan 'Hotspot' Kes Jenayah di Putrajaya  
Tahun 2024



Petunjuk: ■ Kekerasan ■ Harta Benda

Jadual 1.1: Senarai Kempen Keselamatan Jalan Raya IPD Putrajaya pada Tahun 2024

| Bil | Tarikh     | Nama Kempen                                                   |
|-----|------------|---------------------------------------------------------------|
| 1.  | 03/10/2024 | Kempen BSPT Dan Kaunter Saman (MOTAC)                         |
| 2.  | 02/10/2024 | Kempen BSPT Dan Kaunter Saman (Kementerian Pengajian Tinggi)  |
| 3.  | 24/10/2024 | Kempen BSPT Dan Kaunter Saman (Wisma Tani)                    |
| 4.  | 29/10/2024 | Kempen BSPT Dan Kaunter Saman (Imigresen)                     |
| 5.  | 2/11/2024  | Kempen BSPT Dan Kaunter Saman (Suruhanjaya Perkhidmatan Awam) |
| 6.  | 7/11/2024  | Kempen BSPT Dan Kaunter Saman (Istana Kehakiman)              |
| 7.  | 8/11/2024  | Kempen BSPT Dan Kaunter Saman (Perbadanan Putrajaya)          |

Nota: BSPT - Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik



Kempen Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik dan Kaunter Saman di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pada 2 November 2024.



## BAB 2

*Strategi 2:*

**Memperkasakan  
Kawasan Sasaran**

## 2.0 Strategi 2: Memperkasakan Kawasan Sasaran

### 2.1 Langkah 4: Penyediaan Balai Polis Tetap atau Bergerak

Inisiatif di bawah langkah ini dijalankan melalui dua kaedah :

- i. Pembangunan balai polis tetap mengikut perancangan susun atur Presint.
- ii. Penyediaan balai polis bergerak bagi acara-acara utama mengikut keperluan (rujuk Jadual 2.1)

**Jadual 2.1: Senarai Acara Penyediaan Balai Polis Bergerak Tahun 2024**

| Bil | Nama Acara                           | Tarik Acara                     |
|-----|--------------------------------------|---------------------------------|
| 1.  | Hari Terbuka Putrajaya (POD 2024)    | 1 hingga 4 Februari 2024        |
| 2.  | Sambutan Aidilfitri YAB TPM II       | 25 April 2024                   |
| 3.  | Sambutan Aidilfitri YAB TPM I        | 27 April 2024                   |
| 4.  | Karnival Jom Heboh 2024              | 3 hingga 5 Mei 2024             |
| 5.  | Istiadat Sambutan Hari Pahlawan 2024 | 31 Julai 2024                   |
| 6.  | Floria Diraja 2024                   | 22 Ogos hingga 1 September 2024 |
| 7.  | Sambutan Hari Kebangsaan Tahun 2024  | 26 hingga 31 Ogos 2024          |
| 8.  | Malam Cinta Rasul                    | 15 September 2024               |
| 9.  | Sambutan Maulidur Rasul 2024         | 16 September 2024               |
| 10. | Istiadat Mengarak Panji-Panji 2024   | 14 September 2024               |
| 11. | Festival Budaya 2024                 | 20 hingga 22 September 2024     |
| 12. | Hari Sukan Negara 2024               | 12 hingga 13 Oktober 2024       |



Penyediaan Balai Polis Bergerak sempena Majlis Sambutan Hari Kebangsaan tahun 2024 di Dataran Putrajaya, Presint 3 pada 31 Ogos 2024.



Penyediaan Balai Polis bergerak sempena Festival Bunga Dan Taman Putrajaya 2024 di Persisiran Tasik, Presint 2, Putrajaya pada 22 Ogos hingga 1 September 2024.

## 2.2 Langkah 7: Penyediaan Penggera Keselamatan

Salah satu jenis penggera keselamatan yang disediakan oleh Perbadanan Putrajaya adalah panic button. Kemudahan ini disediakan untuk orang awam mendapatkan bantuan apabila berlaku sebarang insiden kecemasan. Semua panic button telah disambungkan ke Putrajaya Command Centre (PCC) yang beroperasi sebagai pusat pemantauan berpusat aktiviti perbandaran di Putrajaya. Jumlah keseluruhan panic button di Putrajaya sehingga 2024 adalah sebanyak 89 unit dan sebanyak 6 unit yang baru dipasangkan sepanjang tahun 2024. Lokasi pemasangan adalah seperti di Jadual 2.2:

**Jadual 2.2:**  
**Senarai Lokasi 'Panic Button'**

| Bil | Lokasi                                                          | Bilangan |
|-----|-----------------------------------------------------------------|----------|
| 1.  | Hospital (Endokrin), Presint 7                                  | 1        |
| 2.  | Kompleks Tempat Letak Kereta Bertingkat belakang MOF, Presint 2 | 2        |
| 3.  | Perhentian Bas Presint 1                                        | 1        |
| 4.  | Kementerian Kewangan, Presint 2                                 | 1        |
| 5.  | Menara Ikhlas Presint 3                                         | 1        |



Bangunan Kementerian Kewangan, Presint 2



Hospital (Endokrin), Presint 7



Kompleks Tempat Letak Kereta Bertingkat, Presint 2

## 2.3 Langkah 9: Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Di Premis Perniagaan dan Tempat Awam


Kamera litar tertutup (CCTV) di Putrajaya dipasangkan untuk tujuan pemantauan hotspot jenayah dan keadaan lalu lintas. Jumlah keseluruhan CCTV yang telah dipasangkan oleh Perbadanan Putrajaya adalah sebanyak 527 unit CCTV dan sebanyak 50 unit CCTV baru telah dipasangkan sepanjang tahun 2024. Lokasi adalah seperti di Jadual 2.3:

**Jadual 2.3: Senarai Lokasi CCTV yang Dipasangkan Tahun 2024**


| Bil | Nama Acara                                                                                                                                                                        | Bilangan |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|
| 1.  | 7MD7 Presint 7                                                                                                                                                                    | 2        |
| 2.  | Kompleks Tempat Letak Kereta Bertingkat di Jalan P2Y, Presint 2                                                                                                                   | 3        |
| 3.  | MyFarm Presint 4                                                                                                                                                                  | 3        |
| 4.  | Sistem Pemantauan Kaji Cuaca (IEMS) di Presint 9, 11 dan 14                                                                                                                       | 3        |
| 5.  | a) Balai Polis Presint 11,<br>b) Jalan ke terowong Presint 11<br>c) TNB di Jalan P11, Presint 11<br>d) Jalan P11/1, Presint 11<br>e) Souq, Presint 1<br>f) Stor Penyimpanan P20   | 31       |
| 6.  | CCTV solar:<br>a) Kandang Rusa Tmn Botani P1<br>b) Hadapan Hotel Dorsett P3<br>c) Laluan motor Cassia P12<br>d) Laluan motor masuk Putrajaya P12<br>e) Jalan P17 PPAM Kasturi P17 | 5        |
| 7.  | CCTV di persimpangan lampu isyarat Presint 14                                                                                                                                     | 3        |



PPAM Seruling, Presint 5



Hospital Endokrin, Presint 7



Kompleks Tempat Letak Bertingkat  
Jalan P2Y, Presint 2



PPAM Kasturi, Presint 17



Pasar Tani Putrajaya, Presint 4

## 2.4 Langkah 11: Laluan Awam Tidak Terlindung dari Pandangan Awam

### i. Membersihkan/mengemaskan kawasan semak dan terlindung

Tindakan ini bertujuan untuk meningkatkan keselamatan, mengurangkan risiko kebakaran, dan memastikan persekitaran yang lebih teratur dan selesa untuk penduduk setempat. Sebanyak 12 lokasi pembersihan semak sepanjang tahun 2024, seperti di Jadual 2.4.

**Jadual 2.4: Lokasi Kerja-Kerja Membersihkan/Mengemaskan Kawasan Semak dan Terlindung**


| Bil | Lokasi                                               |
|-----|------------------------------------------------------|
| 1.  | Selepas Jambatan Seri Saujana Lebuh Sentosa, Presint |
| 2.  | Yayasan Kepimpinan Perdana, Presint 8                |
| 3.  | Institut Kanser Negara, Presint 7                    |
| 4.  | Akademi Perubatan Malaysia, Presint 8                |
| 5.  | Taman Botani, Presint 1                              |
| 6.  | Taman Putra Perdana, Presint 1                       |
| 7.  | Berhadapan SPRM, Presint 7                           |
| 8.  | Presint 7, Menuju Ke Sempadan Sepang                 |
| 9.  | PSSASS, Presint                                      |
| 10. | Presint 1 / Persiaran Timur/ Shaftbury               |
| 11. | Taman Puncak Puteri, Presint 4                       |
| 12. | Presint 5                                            |



Jalan Presint 10C, Presint 10



Persiaran Seri Perdana,  
Presint 10



Hadapan Wisma Sumber Asli,  
Presint 4

## ii. Tidak membenarkan perniagaan dan meletak kenderaan di laluan pejalan kaki



Operasi halangan siar kaki di kawasan premis perniagaan oleh Bahagian Penguatkuasa PPj

## 2.5 Langkah 12: Penjanaan Aktiviti Bersesuaian di Kawasan Terdedah dengan Jenayah

Mewujudkan gerai-gerai atau apa jua bentuk perniagaan di kawasan yang sebelum ini sunyi dan gelap dapat membantu mengelakkan kawasan tersebut daripada menjadi sasaran aktiviti jenayah. Kewujudan perniagaan kiosk ini akan menerangi kawasan tersebut, menjadikannya sebagai tumpuan orang ramai. Sebanyak 14 unit kiosk telah dilaksanakan pada tahun 2024, seperti di Jadual 2.5.

**Jadual 2.5:**  
**Senarai Lokasi Penjanaan Aktiviti Bersesuaian di Kawasan Terdedah dengan Jenayah**

| Bil | Lokasi                                                  | Kuantiti |
|-----|---------------------------------------------------------|----------|
| 1.  | Taman Rimba Desa (Berhadapan Kuarters Fasa 8) Presint 9 | 3 unit   |
| 2.  | Hadapan Dwiputra Residences, Presint 15, WP Putrajaya   | 3 Unit   |
| 3.  | Tapak Penjaja Sementara, Presint 17, WP Putrajaya       | 4 unit   |
| 4.  | Tempat Letak Kereta Taman Pancarona, Presint 18         | 4 unit   |



Tapak Penjaja Sementara, Presint 17, WP Putrajaya



Tempat Letak Kereta Taman Pancarona, Presint 18



Tapak Penjaja Sementara, Presint 15, WP Putrajaya



Tapak Penjaja Sementara, Presint 9, WP Putrajaya

A group of people are practicing CPR on mannequins in a training room. They are kneeling on blue mats on a patterned floor. In the background, there is a whiteboard with text and a woman standing. The room has yellow walls and a large white pillar.

## BAB 3

+

### *Strategi 3:* **Pengurusan Penyertaan & Kesedaran Komuniti**

## 3.0 Strategi 3: Pengurusan, Penyertaan & Kesedaran Komuniti

### 3.1 Langkah 13: Pendidikan, Kesedaran Awam Dan Publisiti


#### i. Media Massa

Facebook Perbadanan Putrajaya



9 September 2024

Tips Menjaga Keselamatan Diri dan Harta Benda untuk komuniti kediaman strata dengan kerjasama Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya pada 5 September 2024



28 Oktober 2024

Bengkel CPR (Cardio-Pulmonary Resuscitation) & AED (Automated External Defibrillator) Serta Pengurusan Kecederaan Luaran Bersama Jabatan Kecemasan Dan Trauma, Hospital Putrajaya Pada 22 & 23 Oktober 2024 Di Marina Putrajaya, Presint 5, Putrajaya

## ii. Poster Digital




Poster mencegah insiden bunuh diri telah disediakan dan dipaparkan di 'digital board', Presint 8 dan CEBB bermula 7 Disember 2024.



Paparan poster di CEBB, Kompleks PPj.

### iii. Laman Sesawang Portal Rasmi Perbadanan Putrajaya



Hebahan dan makluman berkenaan projek fizikal dan program Bandar Selamat Putrajaya di laman web PPJ.

### PROGRAM BUAL BICARA 2025 : DI MANA NOKTAHNYA PANGGILAN 999 DI DALAM PENGURUSAN KES JANTUNG TERHENTI PADA 7 FEBRUARI 2025 BERTEMPAT DI ZON 7 (BOULEVARD) PENTAS PAMERAN KEMENTERIAN SEMPERNA HARI TERBUKA PUTRAJAYA



#### iv. Taklimat / Kempen/ Pameran

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 100 program pendidikan, kesedaran awam dan publisiti yang telah oleh ahli-ahli Jawatankuasa Bandar Selamat Putrajaya. Perinciannya seperti di Rajah 3.1.

**Rajah 3.1: Rumusan Program Pendidikan, Kesedaran Awam dan Publisiti 2024**





Bengkel CPR (Cardio-Pulmonary Resuscitation) & AED (Automated External Defibrillator) dan Pengurusan Kederaan Luar telah diadakan pada 22 Oktober 2024 dan 23 Oktober 2024 bertempat di Marina Putrajaya, Presint 5, Putrajaya. Anjuran dengan kerjasama Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Putrajaya. Bengkel ini bertujuan memberi kesedaran dan latihan kepada kakitangan Perbadanan Putrajaya berhubung dengan amalan dan penjagaan kesihatan dan teknik-teknik menangani kes-kes kecemasan seperti CPR & AED.



Program *Bicara Bandar Selamat Putrajaya 2024 "Be Smart Generation"* telah diadakan pada 12 Jun 2024 bertempat di Dewan Seri Siantan, Kompleks PJP, Presint 3, Putrajaya dengan kerjasama KLCPPA, IPD Putrajaya, Jabatan Penjara Malaysia. Program ini memberi pendedahan kepada para pelajar sekolah berkaitan amalan pencegahan jenayah terutama kes buli dan jenayah siber, asas mempertahankan diri dan penjagaan kesihatan terutama amalan pemakanan dan kecergasan



Program Kesedaran Jenayah dan Pengenalan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) telah diadakan pada 19 Mac 2024 bertempat di SMKA Presint 11, Putrajaya bagi memberi kesedaran kepada para pelajar sekolah mengenai perilaku jenayah semasa serta pengenalan mengenai teknologi terkini sebagai persiapan kepada para pelajar dalam menghadapi cabaran di masa hadapan.



Taklimat mengenai jenayah komersil, langkah-langkah pencegahan dan tips- tips keselamatan jenayah siberpada 11 Mac 2024 bertempat di Dewan Jamuan, Aras 10, Blok F11, Kompleks F, Presint 1, Putrajaya



Menyantuni para peniaga dan pengunjung di Bazaar Ramadan Presint 3, Putrajaya pada 15 Mac 2024 sekaligus membuat pemantauan keselamatan dan pencegahan jenayah.



Pendekatan bertemu secara langsung di tempat terbuka pada 9 Mei 2024 bertempat di Bazaar Souq, Dataran Putra, Presint 1, Putrajaya bagi mendedahkan kewujudan AMANITA PDRM dalam membantu memberi kesedaran mengenai keselamatan dan pencegahan jenayah.



Program Bimbingan Dan Kaunseling & Program Pencegahan Penagihan Semula telah diadakan pada 7 September 2024 bertempat di Masjid Putra, Presint 1, Putrajaya dan 23 November 2024 di Kejiranan 17RK1, Presint 17, Putrajaya



Program Sivik, Tatanegara dan Pembentukan Disiplin dengan Kerjasama Perbadanan Putrajaya pada 10 September 2024 di Kompleks Futsal, Presint 18, Putrajaya



Program Bimbingan Dan Kaunseling & Program Pencegahan Penagihan Semula pada 8 Oktober 2024 & 9 Oktober 2024 bertempat di Pejabat AADK Putrajaya



Program Kelompok Sokongan Sosial & Program Tazkiah An-Nafs Dan Jati pada 6 Februari 2024 & 7 Februari 2024 bertempat di Pejabat AADK Putrajaya.



Program Malaysiaku Merdeka - Drama Muzikal Dan Pidato Tabika Perpaduan WP Putrajaya pada 7 September 2024 di KPND, Presint 2, Putrajaya

### 3.2 Langkah 14: Meningkatkan Rondaan di Kawasan Perumahan

Sepanjang tahun 2024, sebanyak lima puluh lapan (58) rondaan yang telah dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Putrajaya. Perinciannya seperti di Jadual 3.1.

**Jadual 3.1 :**  
**Senarai Rondaan Di Kawasan Perumahan**

| Bil | Lokasi/Presint                                                         |
|-----|------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | KRT Jalan K Presint 11                                                 |
| 2.  | Sekitar kawasan dan lobi Blok D, Apartmen 18R13, Presint 18, Putrajaya |
| 3.  | KRT 14H, Presint 14                                                    |

#### Rondaan IPD Putrajaya



Rondaan sekitar kawasan dan lobi Blok D, Apartmen 18R13, Presint 18, Putrajaya bersama dengan anggota Rela. Menyantuni penduduk untuk mendapatkan maklumat berkaitan isu dan permasalahan yang berlaku di sekitar kawasan perumahan

### 3.3 Langkah 15: Agenda Tetap Bulanan Mesyuarat Majlis Penuh PBT

Jawatankuasa Bandar Selamat Putrajaya yang dipengerusikan oleh Presiden Perbadanan Putrajaya telah bersidang sebanyak empat (4) kali pada tahun 2024 iaitu pada 8 Mac 2024, 5 Julai 2024, 13 September 2024 dan 16 Disember 2024. Pelaporan kadar jenayah dan status pelaksanaan program bandar selamat oleh empat (4) *Task Force* iaitu *Task Force* 1: Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Jalan Raya; *Task Force* 2: Rekabentuk Persekitaran Bandar (Perlaksanaan Projek Fizikal) dan Perancangan, *Task Force* 3: Pencegahan Gejala Sosial dan Pendidikan Kesedaran Awam dan *Task Force* 4: Kesihatan



Bil. 1/2024 pada 8 Mac 2024



Bil. 2/2024 pada 5 Julai 2024



Bil.3/2024 pada 13 September 2024



Bil. 4/2024 pada 16 Disember 2024

### 3.4 Langkah 16: Penerapan Konsep Community Policing bagi Mengatasi Jenayah

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 26 rondaan yang telah dijalankan oleh Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

#### i. Kawasan Rukun Tetangga (KRT)

Sebanyak 2 rondaan dijalankan oleh Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya di Kawasan Rukun Tertangga sepertimana di jadual 3.2.

**Jadual 3.2:**  
**Lokasi Rondaan bagi Kawasan Rukun Tetangga**

| Bil | Presint    | Lokasi                                   |
|-----|------------|------------------------------------------|
| 1.  | Presint 11 | Kompleks Kejiranan Presint 11, Putrajaya |
| 2.  | Presint 7  | Lobi IPD Putrajaya                       |



Rondaan yang telah dijalankan oleh Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional bersama Kawasan Rukun Tetangga (KRT)

## ii. Skim Rondaan Sukarela (SRS)

Sebanyak 3 rondaan dijalankan oleh Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di Skim Rondaan Sukarela sepertimana di jadual 3.3

**Jadual 3.3: Lokasi Rondaan bagi Skim Rondaan Sukarela**

| Bil | Presint    | Lokasi                                        |
|-----|------------|-----------------------------------------------|
| 1.  | Presint 17 | Blok A Apartment P17 RK1 Presint 17 Putrajaya |
| 2   | Presint 14 | Apartment Presint 14-7, Presint 14            |
| 3   | Presint 7  | Lobi IPD Putrajaya                            |



Rondaan yang telah dijalankan oleh Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional bersama Skim Rondaan Sukarela (SRS)

### 3.5 Langkah 17: Program Pencegahan Jenayah

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 1,783 program / kempen / taklimat bagi Program Pencegahan Jenayah yang telah dilaksanakan oleh Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya. Perinciannya seperti di Rajah 3.2.

Rajah 3.2: Rumusan Program Pencegahan Jenayah oleh IPD Putrajaya



1,703 Kempen



33 Program



47 Taklimat



Program / kempen / taklimat bagi Program Pencegahan Jenayah yang telah dilaksanakan oleh Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya

### 3.6 Langkah 19: Pencegahan Gejala Sosial

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 148 program / operasi / rondaan bagi Pencegahan Gejala Sosial yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Putrajaya (JAWI). Perincian seperti di Jadual 3.4.

**Jadual 3.4: Senarai Program / Operasi / Rondaan bagi Pencegahan Gejala Sosial**

| Bil                       | Program / Operasi / Rondaan                                   | Bilangan        |
|---------------------------|---------------------------------------------------------------|-----------------|
| 1.                        | Operasi bersepadu cegah jenayah syariah di Putrajaya          | 5 kali          |
| 2.                        | Rondaan dan pemantauan cegah jenayah syariah di Putrajaya     | 132 kali        |
| 3.                        | Program Intervensi dan kesedaran jenayah syariah di Putrajaya | 2 kali          |
| 4.                        | Program pencegahan dan kesedaran jenayah syariah              | 9 kali          |
| <b>Jumlah keseluruhan</b> |                                                               | <b>148 kali</b> |



Rondaan dan pemantauan cegah jenayah syariah di Putrajaya



**BAB 4**

*Strategi 4:*  
Kesihatan

## 4.0 Strategi 4: Kesihatan


### 4.1 Langkah 20: Pencegahan Denggi di Putrajaya

Inisiatif pencegahan denggi di Putrajaya telah dijalankan melalui dua operasi utama iaitu :

- i) Operasi Gempur Aedes (OGA) di kawasan Putrajaya yang berisiko tinggi sebagai tempat pembiakan nyamuk Aedes iaitu tapak pembinaan, kebun komuniti, pusat tumpuan awam dan sebagainya.
- ii) Operasi Bersepadu Pencegahan & Kawalan Wabak Denggi di kawasan kediaman Putrajaya.

Perincian seperti di Carta 4.1.

**Carta 4.1: Lokasi Operasi Gempur Aedes (OGA) dan Operasi Bersepadu Pencegahan serta Kawalan Wabak Denggi**





Operasi Gempur Aedes (OGA) dijalankan di kawasan Putrajaya yang berisiko tinggi bagi tempat pembiakan nyamuk Aedes seperti tapak binaan, kebun komuniti, pusat tumpuan awam dan sebagainya



Operasi Bersepadu Pencegahan & Kawalan Wabak Denggi dijalankan di kawasan kediaman Putrajaya

Program Gotong-Royong Mega 2024 telah diadakan sebanyak 2 kali. Perinciannya seperti di Jadual 4.1.

**Jadual 4.1: Senarai Program Gotong-Royong Mega**

| Bil | Tarikh            | Lokality     | Program                |
|-----|-------------------|--------------|------------------------|
| 1.  | 22 Jun 2024       | Jalan P11D   | Gotong-Royong MEGA 1.0 |
| 2.  | 28 September 2024 | Parcel 18R13 | Gotong-Royong MEGA 2.0 |



Gotong-Royong MEGA 1.0 Peringkat W.P di lokality Hotspot Denggi Jalan P11D dirasmikan oleh Datin Dr Haliza bt Ab Manaf, Timbalan Pengarah Kesihatan WP Putrajaya C Kuala Lumpur



Gotong-Royong MEGA 2.0 Peringkat Kebangsaan di Parcel 18R13 yang dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan bersempena pelancaran Putrajaya Sihat Sejahtera (PSS) di Putrajaya

## **Senarai Penghargaan**

Perbadanan Putrajaya dengan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli Jawatan Kuasa Bandar Selamat Putrajaya seperti berikut:

1. Anggota Mesyuarat Perbadanan Putrajaya
2. Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP)
3. Bahagian Sub Perancangan Strategik, KDN
4. Majlis Keselamatan Negara (MKN)
5. Kementerian Belia Dan Sukan (KBS)
6. Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH)
7. Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
8. Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN)
9. Planmalaysia (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa)
10. Jabatan Kerja Raya WP Putrajaya
11. Jabatan Imigresen Malaysia
12. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
13. Jabatan Agama Islam W.P
14. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
15. Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Putrajaya
16. Pejabat Kesihatan Putrajaya
17. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Cawangan Putrajaya
18. Bahagian Keselamatan Jalan Raya, JPJ
19. Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
20. Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Putrajaya
21. Hospital Putrajaya
22. Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF)
23. Pertubuhan Pengamal Pencegahan Jenayah Kuala Lumpur (KLCPPA)
24. Angkatan Pertahanan Awam Putrajaya (APM)
25. Pejabat Rel Putrajaya
26. Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS)
27. Majlis Permuafakatan PIBG Sekolah-sekolah Putrajaya
28. Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya (MPPWPP)
29. Institut Penyelidikan Keselamatan Jalanraya Malaysia (MIROS)
30. Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)

KOLEKSI GAMBAR DARIPADA :

Bahagian Komunikasi Korporat, Jabatan Perkhidmatan Korporat, Perbadanan Putrajaya

## **Senarai Penghargaan**

Perbadanan Putrajaya

### Jabatan

1. Jabatan Undang-Undang
2. Jabatan Perkhidmatan Korporat
3. Jabatan Perancangan Bandar
4. Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan
5. Jabatan Perkhidmatan Bandar
6. Jabatan Landskap dan Taman
7. Jabatan Kewangan
8. Jabatan Audit dan Risiko

### Bahagian

1. Bahagian Pembangunan Mampan dan Perumahan
2. Bahagian Kawalan Perancangan dan Pembangunan
3. Bahagian Kawalan Bangunan dan Rekabentuk Bandar
4. Bahagian Alam Sekitar, Tasik dan Wetland
5. Bahagian Kesihatan Persekitaran
6. Bahagian Penguatkuasa
7. Bahagian Jalan
8. Bahagian Hortikultur dan Pertanian Bandar
9. Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi
10. Bahagian Pengurusan Strategik
11. Bahagian Perkhidmatan Komuniti dan Sukan
12. Bahagian Trafik dan Pengangkutan Awam
13. Bahagian Komersial dan Pelesenan







## **PERBADANAN PUTRAJAYA**

Kompleks Perbadanan Putrajaya  
24, Persiaran Perdana,  
Presint 3, 62675 PUTRAJAYA, Malaysia  
Telefon : +603 8887 7000

[www.ppj.gov.my](http://www.ppj.gov.my)

